

13 OCT 2001

CAP-DENDA

KURANGKAN DENDA 7 PERATUS KE ATAS SKIM ANUITI BIASA, KATA CAP

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berkata Gabenor Bank Negara Malaysia sepatutnya mengarahkan syarikat-syarikat insurans yang terlibat dalam skim anuiti konvensional supaya mengurangkan denda sebanyak tujuh peratus yang dikenakan ke atas ahli-ahli yang menarik diri daripada skim ini kepada kadar rata RM50.

Dalam satu kenyataan, Presidennya, S.M Mohamed Idris berkata, adalah tidak adil bagi syarikat-syarikat insurans yang terbabit dalam skim anuiti itu mengenakan denda sebanyak tujuh peratus.

"Ramai di antara ahli-ahli yang menyertai skim anuiti konvensional itu berbuat demikian kerana ejen-ejen insurans membuat mereka percaya bahawa itu adalah pilihan yang lebih baik," tegasnya.

Jumlah RM50 itu adalah bayaran pentadbiran yang dikenakan oleh Takaful Nasional dan Syarikat Takaful bagi mereka yang ingin menarik diri daripada skim anuiti Takaful KWSP.

Beliau juga menegaskan bahawa Bank Negara dan KWSP tidak menganggapnya perlu bagi syarikat-syarikat insurans memperbesar-besarkan cerita tentang purata pulangan yang diunjurkan bagi skim itu supaya ahli-ahli KWSP boleh membuat pilihan berdasarkan maklumat.

"Selain itu, beberapa ejen insurans menggunakan contoh-contoh jualan (risalah-risalah insurans) yang mengelirukan dan yang belum diluluskan oleh Bank Negara untuk mempertingkatkan jualan mereka."

Dengan demikian, adalah tidak adil jika mereka yang dikelirukan supaya melabur dalam skim anuiti konvensional ini dikenakan denda yang berat kerana keluar daripada skim ini, katanya.

Kata beliau, jika syarikat-syarikat Takaful merasakan sesuai untuk mengenakan hanya RM50 sebagai bayaran penarikan diri, maka tidak ada sebab kenapa syarikat-syarikat insurans konvensional ini tidak boleh berbuat demikian juga.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa skim anuiti KWSP akan diuruskan sepenuhnya oleh KWSP sendiri.

Skim tersebut telah diperkenalkan sebagai pilihan untuk menyediakan keselamatan kewangan melalui pendapatan sepanjang hayat yang terjamin kepada pencarum-pencarum KWSP bagi menjalani kehidupan selepas mereka bersara.

Ia telah dilancarkan pada bulan Julai tahun lalu dan dikendalikan bersama oleh KWSP dan beberapa buah syarikat insurans. Bagaimanapun, skim tersebut telah digantung pada bulan Mei tahun ini setelah menerima bantahan keras daripada beberapa pihak termasuk Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) -- BERNAMA

SM MKO KY ZK